

COVID-19: 10 kes baharu, 10 kes pulih

Astro Awani

23 Ogos 2020

Rahimah Abdullah,

KUALA LUMPUR: 10 kes baharu COVID-19 dilaporkan hari ini, menjadikan jumlah kumulatif kes COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak 9,267 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, lapan kes adalah kes import yang mendapat jangkitan di luar negara melibatkan tiga warganegara Malaysia dan lima bukan warganegara.

Manakala, dua kes adalah penularan dalam negara melibatkan warganegara Malaysia iaitu kes daripada Kluster Tawar di Kedah.

"Justeru ia menjadikan jumlah kes dikesan positif COVID-19 kluster Tawar adalah sebanyak 65 kes. Sehingga 23 Ogos 2020 jam 12 tengah hari, seramai 3,286 orang telah disaring dalam kluster ini," katanya dalam kenyataan media pada Ahad.

Di Kedah, 2,758 disaring di mana 54 kes dikesan positif COVID-19, 2,362 individu negatif; dan 342 individu masih menunggu keputusan.

Manakala, di Pulau Pinang, seramai 517 disaring di mana 11 kes dikesan positif COVID-19 dan 506 individu negatif.

Di Perak pula, kesemua 11 saringan adalah negatif dan tiada saringan baharu. Dalam pada itu, tiga kes baharu dilaporkan dalam kluster Alam.

"Sehingga 23 Ogos 2020, sejumlah 27 orang telah disaring dalam kluster ini. Daripada jumlah itu, tujuh kes dikesan positif COVID-19, 18 individu negatif dan dua individu masih menunggu keputusan," ujarnya.

Justeru, pengesanan kes dan saringan kontak rapat bagi kluster ini masih diteruskan. Lapan kes import tersebut adalah dari negara Jepun (3 kes di Sarawak), Indonesia (3 kes: 2 kes di Selangor dan 1 kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur), Republik Maldives (1 kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) dan Mexico (1 kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur).

Dalam pada itu, 10 kes pulih COVID-19 dilaporkan hari ini, menjadikan jumlah kes sembuh sebanyak 8,959 kes.

Sehingga kini, sembilan kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU), di mana empat kes memerlukan bantuan pernafasan.

Bagaimanapun, tiada pertambahan kes kematian melibatkan COVID-19 dilaporkan hari ini, menjadikan jumlah kematian kekal 125 kes.

**© 2020 Astro Awani Network Sdn. Bhd.
(535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid19-10-kes-baharu-10-kes-pulih-256383>